



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director-General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E**  
*Level 8, Block E8, Complex E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 8 ( 21)  
Tarikh : 09 Januari 2023

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**BILANGAN 3 TAHUN 2023**

**PEMERKASAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH MULAI**  
**SESI AKADEMIK 2022/2023**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pemeraksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Mulai Sesi Akademik 2022/2023.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Disember 2010 telah bersetuju supaya PBS dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara. PBS yang bersifat holistik merangkumi pengukuran aspek kognitif, afektif dan psikomotor mula dilaksanakan pada tahun 2011 di sekolah rendah dan tahun 2012 di sekolah menengah.

3. PBS ialah dasar pentaksiran yang menyeluruh tentang pencapaian dan perkembangan pembelajaran murid merangkumi empat (4) komponen pentaksiran, iaitu:

### **3.1 Pentaksiran Pusat (PP)**

PP ialah pentaksiran yang dilaksanakan pada peringkat sekolah oleh guru berdasarkan tugas yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut mata pelajaran tertentu berasaskan Standard Prestasi.

### **3.2 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)**

PBD sebelum ini dikenali sebagai Pentaksiran Sekolah. PBD merupakan proses yang dilaksanakan secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid.

### **3.3 Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)**

PAJSK terbahagi kepada tiga (3) komponen, iaitu Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK), kokurikulum dan ekstra kurikulum.

PAJSK ialah pentaksiran yang dilaksanakan untuk mengukur dan menilai prestasi, pelibatan dan penyertaan murid dalam aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum serta kecergasan fizikal.

### **3.4 Pentaksiran Psikometrik (PPsi)**

PPsi mempunyai empat (4) komponen yang ditaksir, iaitu Aptitud Am, Aptitud Khusus, Tret Personaliti dan Minat Kerjaya.

PPsi ialah pentaksiran yang dilaksanakan untuk mengukur kebolehan semula jadi, kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, minat, kecenderungan, sikap dan personaliti murid. Selain itu, PPsi juga digunakan sebagai alat untuk mengenal pasti tret yang boleh

diperkembangkan melalui aktiviti pembelajaran dalam atau luar bilik darjah.

4. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 28 April 2021 telah meluluskan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah mulai tahun 2021. Seterusnya, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 1 Jun 2022 telah meluluskan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 mulai tahun 2022. Pemansuhan ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk beralih daripada pembelajaran berorientasikan peperiksaan kepada pembelajaran berorientasikan perkembangan murid secara menyeluruh. Perubahan ini akan dapat meningkatkan pembelajaran bermakna dalam situasi yang menyeronokkan. Oleh yang demikian, mesyuarat telah memutuskan agar pelaksanaan PBS diperkasakan di semua sekolah.

## **PELAKSANAAN**

5. Pemerkasaan PBS melibatkan penambahbaikan dalam pelaksanaan PBD, PAJSK dan PPSi.

### **5.1 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)**

- 5.1.1 PBD ialah pentaksiran berterusan yang terdiri daripada pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif. Pentaksiran formatif dilaksanakan berdasarkan Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah.
- 5.1.2 Ujian akhir sesi akademik adalah antara bentuk pentaksiran sumatif dalam PBD. Instrumen ujian akhir sesi akademik yang setara standard disediakan bagi kegunaan murid Tahun 4 hingga Tahun 6 di sekolah rendah dan murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 di sekolah menengah. Instrumen ini juga melibatkan semua Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) kecuali murid yang menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas.

## **5.2 Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)**

- 5.2.1 Pelaksanaan PAJSK adalah berdasarkan Garis Panduan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum sedia ada dan Panduan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK).
- 5.2.2 Standard Pengukuran Indeks Jisim Badan untuk Murid Sekolah Malaysia Berumur 5 hingga 9 Tahun (BMI 5-9T) bertujuan mengukur Indeks Jisim Badan [Body Mass Index (BMI)] bagi menangani isu obesiti dalam kalangan murid sekolah seawal umur lima (5) tahun.

## **5.3 Pentaksiran Psikometrik (PPsi)**

- 5.3.1 PPSi diperluaskan kepada murid Tahun 4 dan Tahun 5 di sekolah rendah serta Tingkatan 2 di sekolah menengah.
- 5.3.2 Penambahbaikan PPSi melibatkan instrumen psikometrik, pentadbiran ujian dan penggunaan data PPSi.
- 5.3.3 Instrumen Aptitud Am dilaksanakan di Tahun 4, Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKeP) di Tahun 5 dan Instrumen Aptitud Khusus di Tahun 6.
- 5.3.4 Inventori Tret Personaliti (ITP) dilaksanakan di Tingkatan 2.
- 5.3.5 Instrumen PPSi sedia ada yang ditambah baik dari segi item digunakan bagi murid Tingkatan 1 dan Tingkatan 3.

6. Panduan dan bahan berkaitan PBS seperti di bawah boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM di pautan <https://moe.gov.my/pbs>:

- 6.1 Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah;
- 6.2 Garis Panduan Pentadbiran Ujian Akhir Sesi Akademik;
- 6.3 Format Instrumen Pentaksiran dan Pelaporan Ujian Akhir Sesi Akademik;
- 6.4 Garis Panduan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum;
- 6.5 Panduan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK);
- 6.6 Panduan Standard Pengukuran Indeks Jisim Badan untuk Murid Sekolah Malaysia Berumur Lima Hingga Sembilan Tahun; dan
- 6.7 Panduan Pelaksanaan dan Pentadbiran Pentaksiran Psikometrik.

7. Perekodan data PBD, PAJSK, SEGAK dan BMI5-9T serta PPSi akan dilaksanakan secara dalam talian melalui **Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB) KPM**. SPPB KPM ialah sistem pengurusan pentaksiran berterusan dan menyeluruh bagi semua jenis pentaksiran di KPM.

8. SPI ini juga terpakai kepada sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM dan melaksanakan kurikulum kebangsaan.

### **TARIKH KUAT KUASA**

9. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

### **PEMBATALAN**

10. Dengan berkuat kuasa SPI ini, maka SPI dan surat siaran berikut adalah **dibatalkan**:

- 10.1 Pindaan Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil. 1 Tahun 2011: Penambahbaikan Sistem Pentaksiran Kebangsaan Bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) Mulai Tahun 2011 bertarikh 22 Februari 2011;
- 10.2 Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 3 Tahun 2011: Pemakluman Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Rendah dan Menengah Rendah bertarikh 29 Julai 2011;
- 10.3 Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil. 1/2014: Penambahbaikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bertarikh 31 Mac 2014;
- 10.4 Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 5 Tahun 2018: Format Instrumen Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) Bagi Mata Pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mulai Tahun 2019 bertarikh 29 November 2018; dan
- 10.5 Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil.1/2019: Pemerkasaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) di Sekolah Mulai Tahun 2022 bertarikh 24 Mei 2019.

## TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

11. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menandatangani,



**(DATO' HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)**

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia